

Penduduk punca Sungai Klang cemar

SHAH ALAM – Kepesatan pembangunan dan jumlah penduduk yang ramai di kawasan Lembah Klang merupakan faktor penyumbang terhadap pencemaran Sungai Klang, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata, faktor itu telah memberi cabaran besar kepada kerajaan untuk menguruskan masalah yang dihadapi penduduk ekoran berlakunya pencemaran sungai termasuk dari sudut kawalan banjir.

“Kepesatan penduduk yang melebihi empat juta orang di bandar-bandar sekitar Sungai Klang termasuk Ampang dan Shah Alam telah menyebabkan pencemaran Sungai Klang ketika ini berada di kelas III dan IV yang dikategorikan oleh Jabatan Alam Sekitar sebagai tercemar,” katanya di dalam ucapan yang dibacakan pada majlis pelancaran Ekspedisi Sungai Klang Bersama Media di sini semalam.

Ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Mohd. Ali Mohamad Nor.

Uggah berkata, melalui pelbagai kempen kesedaran yang dilaksanakan kerajaan seperti *Cintailah Sungai Kita* serta penempatan semula setinggan, kadar sampah yang memasuki sistem sungai di Sungai Klang berjaya dikurangkan.

“Kadar sampah di Sungai Klang yang dicatatkan pada masa kini ialah 77,000 tan setahun dan kita jangka dengan projek *River of Life* yang dilancarkan Julai tahun lepas akan dapat mengurangkan kadar ini iaitu sebanyak 50,000 tan setahun melalui pelbagai langkah termasuk pemasangan perangkap sampah selain program kesedaran awam,” tambahnya.

Menurut Uggah, media turut memainkan peranan yang penting bagi membantu kerajaan me-



KUMPULAN media dapat melihat sampah sarap yang bertaburan di permukaan Sungai Klang di Klang semalam.

ngubah dan membentuk masyarakat ke arah pengurusan alam sekitar yang mapan khususnya membabitkan isu pengurusan sungai.

“Selain melaporkan apa yang terjadi kepada sumber alam, media massa juga berperanan mem-

bantu kerajaan mentransformasikan Sungai Klang kepada sungai yang bersih,” katanya.

Uggah turut berharap masyarakat setempat lebih peka dalam aspek penjagaan sungai dan dapat bekerjasama dengan kerajaan dalam membendung pencemaran

INDEKS Kualiti air sungai

- Kelas I - Airnya boleh terus diminum tanpa rawatan.
- Kelas II - Airnya memerlukan rawatan biasa.
- Kelas III - Air nampak bersih, tidak berbau tetapi kualitinya tercemar dan orang ramai tidak boleh berenang tetapi boleh berkelah di tebing.
- Kelas IV - Sedikit tercemar.
- Kelas V - Sangat tercemar.

Bagi Kelas 4 dan 5, keadaan air antara lain berbau busuk dan berwarna hitam.

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

sungai.

Terdahulu, kumpulan media telah dibawa memudiki Sungai Klang dengan menaiki bot dalam perjalanan selama 1 jam bermula di Royal Selangor Yacht Club, Pelabuhan Klang dan berakhir di Seksyen 24 di sini. – Bernama